

# Sarawak komited bantu rakyat miliki rumah

BH ONLINE | Rabu, 25 September 2019 | 2:54pm

---



KETUA Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC), Mohd Asman Ahmad. NSTP/Melvin Joni

KUCHING: Pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sarawak sentiasa seiring dengan dasar perumahan mampu milik diluluskan Unit Perancang Negeri (SPU) yang berkuat kuasa sejak 2011 tanpa sebarang kos tambahan dikenakan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC), Mohd Asman Ahmad, berkata disebabkan kenaikan kos bahan binaan dan logistik, Kabinet Sarawak menyelaraskan harga jualan perumahan kos rendah pada harga RM50,400 bagi unit tengah dan RM59,200 bagi setiap unit penjuru.

Katanya, harga ditetapkan itu masih berada dalam kategori mampu milik, malah kadar berkenaan disifatkan tidak membebankan, sekali gus membantu rakyat memiliki rumah.

"Ia turut digunapakai bagi projek perumahan kos rendah dibangunkan HDC. Apabila PPR yang dijual dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Sarawak, kami menggunakan harga sama seperti yang dipraktikkan," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Mengenai PPR yang dibina dan dibiayai KPKT di Sarawak, Asman berkata, pelaksanaan PPR pertama untuk jualan sudah siap pada 2015 dan diserahkan kepada HDC pada 2017.

"Bila projek selesai, ia mengambil masa lebih 25 bulan untuk HDC menyerahkan rumah disebabkan kesukaran pembeli mendapatkan pembiayaan dari institusi kewangan.

"Ini menyebabkan HDC terpaksa menanggung kos kerja pembaikan, membuat keputusan selain membayar sumbangan modal kepada agensi utiliti," katanya.

Atas inisiatif HDC juga, Mutiara Mortgage and Credit Sdn Bhd ditubuhkan bagi membantu menyediakan pembiayaan kepada pembeli rumah yang layak.

Pembangunan PPR di Sarawak dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui KPKT dan dikendalikan oleh HDC di kawasan disediakan kerajaan negeri.